

Aishah selesa berpantang di pusat pemindahan

SAMARAHAN: Banjir yang melanda beberapa kawasan semenjak beberapa hari yang lalu membawa pelbagai peritwa dan kenangan yang tidak mungkin dapat dilupakan sesetengah mangsa banjir di negeri ini.

Antaranya Intan, 22 merasai pengalaman berpantang selepas bersalin di Pusat Pemindahan Sementara, Kompleks Sukan Asajaya, Samarahan.

Beliau bersama bayinya Mia Aisyah yang baharu berusia 38 hari diarah berpindah ke pusat pemindahan tersebut setelah kediamannya di Kampung Asajaya dilanda banjir.

Walaupun berpantang dalam keadaan serba kekurangan namun bagi Intan segala yang disediakan di pusat pemindahan banyak membantu beliau dalam situasi tersebut.

"Saya selesa di sini, khemah yang disediakan untuk mangsa banjir membantu saya berasa lebih privasi semenjak dua hari lalu apatah lagi layanan yang diberikan petugas pusat pemindahan amat baik," jelas beliau yang merasa bagaikan berpantang di rumah sendiri.

Malah Intan turut terasa begitu teruja apabila beliau dan bayinya menerima kunjungan Timbalan Ketua Menteri



MESRA... Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah dan Ahli Parlimen Kota Samarahan Rubiah Wang bersama Intan (belakang Rubiah Wang.

merangkap Jawatankuasa Pengurusan Bencana Alam Negeri Datuk Amar Douglas Uggah yang mengadakan lawatan ke pusat pemindahan tersebut.

Pusat Pemindahan Kompleks Sukan Asajaya menempatkan 275 orang melibatkan 78 keluarga dari kampung berdekatan seperti Asajaya, Sampun,

Serpan, Moyan, Asajaya Tengah dan Asajaya Lot.

Seakan berada disebuah kawasan perkampungan dengan pelbagai etnik membuatkan pusat pemindahan tersebut meriah dan silaturahmi yang baru turut dijalinakan.

—Penerangan